



27 FEB, 2024

Campur pewarna hitam dalam diesel

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Taktik sindiket seludup 80,000 liter bahan bakar gagal Campur pewarna hitam dalam diesel

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Taktik licik sindiket penyeludupan mengikrarkan diesel sebagai bekalan bahan api campuran serta menambah pewarna hitam bagi menampakkan warnanya lebih gelap terbongkar selepas diserbu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), baru-baru ini.

Pengarah Kastam negeri, Nor Izah Abdul Latiff berkata, sindiket itu cuba menyeludup 80,000 liter diesel dianggarkan bernilai RM172,000 ke Thailand menggunakan dua lori tangki bernombor pendaftaran tempatan.

Menurutnya, pemeriksaan ke atas lori pertama mendapati terdapat muatan diesel dianggarkan

sebanyak 45,000 liter, manakala lori kedua dengan 35,000 liter.

"Dua lori tangki itu ditahan sepasukan pegawai kastam Cawangan Penguatkuasaan Durian Burung di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra, Durian Burung di Kuala Nerang kira-kira pukul 9.30 pagi pada 17 Februari lalu.

"Hasil pemeriksaan awal di lokasi kejadian, pasukan menemui muatan yang disyaki diesel sebelum kedua-dua lori tersebut dibawa ke Cawangan Penguatkuasaan Durian Burung untuk siasatan lanjut," katanya di sini semalam.

Menurutnya, kedua-dua pemandu warga tempatan berusia 37 dan 48 tahun ditahan untuk

siasatan dan mereka kemudian dilepaskan dengan jaminan Kastam.

Beliau berkata, sindiket didapati cuba mengaburi pihak Kastam dengan membuat pengikraran tidak betul dalam Borang Eksport (Kastam 2) sebagai *blend stock fuel oil* atau bahan api campuran.

"*Blend stock fuel oil* ini tidak tertakluk kepada lesen eksport dan tiada duti atau cukai. Selain itu, sindiket juga menambah pewarna hitam ke dalam diesel supaya warna minyak tersebut menjadi lebih gelap," jelasnya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 kerana mengangkut barang tidak berkastam atau barang larangan.



DUA lori tangki membawa muatan diesel ditahan di Kompleks ICQS Kota Putra di Durian Burung, dekat Kuala Nerang pada 17 Februari lalu.



27 FEB, 2024

Campur pewarna hitam dalam diesel

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Taktik sindiket seludup 80,000 liter bahan bakar gagal

ALOR SETAR - Taktik licik sindiket penyeludupan mengikrarkan diesel sebagai bekalan bahan api campuran s e r t a menambah pewarna hitam bagi menampakkan warnanya lebih gelap terbongkar selepas diserbu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), b a r u - b a r u ini.